

Penderaan ahli keluarga sukar didedahkan

UMC 2112/2005

MENDATANGKAN mana-mana kecederaan fizikal terhadap ahli keluarga sendiri seperti suami atau isteri, bekas isteri atau suami, kanak-kanak, orang dewasa tak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga ini adalah antara pengertian keganasan rumah tangga yang terdapat dalam Akta Keganasan Rumah Tangga.

Berdasarkan kepada pengakuan mangsa yang dirujuk kepada Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), mangsa yang kebanyakannya isteri sukar tampil mendedahkan sebarang penderaan yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri.

Namun demikian dengan adanya Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah dikuatkuasakan pada Jun 1996, mereka semakin berani untuk tampil mendapatkan hak perlindungan mereka.

Mereka berusaha untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Interim (IPO) yang merupakan surat perintah sementara yang dikeluarkan oleh mahkamah sebelum siasatan rasmi dijalankan.

Tiga kajian kes di bawah adalah diantara beberapa banyak kes yang dirujuk kepada WAO untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan.

Kes 1: Suami termakan hasutan ibu bapa

Leela, berusia awal 30-an

CAMPUR tangan keluarga terutama ibu dan bapa mertua menjadikan kehidupan Leela tidak seperti apa yang diharapkan sebagaimana mula-mula berumah tangga.

Akibat perkahwinan yang tidak direstui keluarga kerana berlainan kasta menjadikannya bahan cacian dan ceraan keluarga mertuanya.

Lebih memilukan suami tersayang termakan hasutan ibu bapa sendiri dan kini berani 'ringan tangan' untuk memukul Leela.

Jika ada sesuatu yang tidak kena pada pandangan si suami atau Leela melakukan sedikit kesalahan pasti dia akan menjadi mangsa suaminya.

Leela sendiri tidak menyangka lelaki yang dikenali sebagai seorang penyabar dan baik hati itu tiba-tiba berubah menjadi panas baran dan peminum. Bagi Leela sepak terajang sudah menjadi mainan sepanjang perkahwinannya selama 12 tahun.

Ibu kepada dua anak berusia enam dan tujuh tahun ini mengakui sebab utama dia mengambil sikap berdiam diri selama hampir 11 tahun atas perbuatan suami-

nya adalah kerana memikirkan masa depan anak-anak dan sayangkan perkahwinan yang dibina atas dasar cinta.

Penderitaan Leela dikesan oleh majikannya apabila sering mendapati kesan-kesan lebam pada bahagian muka, tangan dan kaki.

Majikan bertindak melaporkan kejadian yang berlaku kepada WAO untuk diambil tindakan selanjutnya.

Kes 2: Cemburu kuasai diri

Anita, berusia akhir 20-an

PERKAHWINAN atas dasar cinta dan sayang tidak disangka bertukar menjadi sebaliknya apabila sikap cemburu menguasai diri.

Sikap cemburu si suami yang sentiasa mahu mengetahui pergerakan isteri sepanjang masa menjadikan kehidupan Anita ibarat burung yang dikurung didalam sangkar emas.

Menurut pengakuan Anita sendiri, punca dia dipukul hanyalah kerana cuba mempersoalkan hak yang sepatutnya didapati olehnya daripada si suami juga boleh didapati oleh orang lain.

Selama empat tahun Anita diperlakukan tanpa belas kasihan. Tumbukan dan pukulan pada muka dan badan sudah menjadi mainan bagi suaminya.

Akhirnya setelah setelah sekian lama hidup menderita, dia menghubungi WAO untuk mendapatkan perlindungan sementara menanti Perintah Permohonan Interim (IPO).

Kes 3: Bapa saudara bernafsu buas

Shima, berusia awal 20-an

SELAMA dua tahun Shima berada dalam tekanan dan ketakutan apabila bapa saudaranya sendiri sanggup memukulnya tanpa belas kasihan dengan alasan gagal mendapatkan apa yang dikehendaki.

Shima yang tinggal bersama nenek sejak kematian ibu dan bapanya itu mengaku pernah beberapa kali bapa saudaranya itu cuba mencabul kehormatannya.

Namun nasib Shima agak baik kerana, dia sempat melarikan diri biarpun teruk dipukul oleh bapa saudaranya itu.

Katanya, oleh kerana tidak tahan menanggung kesakitan dan takut masa depannya musnah di tangan bapa saudaranya itu, dia mengambil keputusan meminta pertolongan untuk melindunginya dan mendapatkan IPO.